

# Bomba siap sedia hadapi banjir

BH ONLINE | Selasa, 17 Disember 2019 | 4:23pm



Zuraida menyaksikan lintas hormat kenderaan bomba pada perbarisan tamat latihan kursus Sijil Sains Kebombaan, KB19 di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Timur, di Marang, hari ini. - NSTP/Imran Makhzan

MARANG: Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) bersiap siaga dari aspek logistik dan anggota untuk menghadapi banjir yang kini melanda beberapa negeri dan gelombang seterusnya.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin, berkata cuti anggota dan pegawai seluruh negara juga dibekukan sehingga Mac tahun depan untuk membolehkan mereka digerakkan ke negeri yang teruk dilanda banjir, jika ada keperluan.

"Ketika ini, belum ada keperluan untuk menggerakkan anggota dari seluruh negara. Namun, pasukan sedia bersedia untuk ditugaskan di mana-mana saja bagi membantu negeri yang dilanda banjir teruk.

"Banjir (kini melanda Johor dan Pahang) masih lagi terkawal dan pasukan mampu mengendalikannya," katanya ketika kepada pemberita selepas perbarisan tamat latihan kursus Sijil Sains Kebombaan, KB19 di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Timur, di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah JBPM, Datuk Mohammad Hamdan Wahid.

Zuraida berkata, sebuah helikopter JBPM turut ditempatkan di akademi di sini untuk digerakkan dalam penugasan bencana banjir di Pantai Timur.

Dalam perkembangan lain, Zuraida berkata, Kabinet memutuskan penyelarasan sedang dilaksanakan untuk perolehan helikopter bagi kegunaan agensi kerajaan seperti JBPM, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia).

Katanya, satu jawatankuasa dibentuk untuk mengkaji keperluan dan kemungkinan membenarkan syarikat dari Russia menjadikan negara sebagai hab pembuatan helikopter.

"Kita boleh memanfaatkan dan dapat beli pada harga lebih rendah serta mendapat perkhidmatan selepas perolehan yang tersedia dengan adanya pasukan Russia itu," katanya.

Beliau berkata, JBPM yang memiliki sembilan helikopter, juga bercadang menambah lapan lagi termasuk helikopter ambulans atau Perkhidmatan Perubatan Kecemasan (EMS) dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12).